

# KENYATAAN TAWARAN TENDER



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM KE ASRAMA MAAHAD AHMADI GEMENCHEH, DAERAH TAMPIN, NEGERI SEMBILAN BAGI KONTRAK MULAI 1 APRIL 2019 HINGGA 31 MAC 2021 (24 BULAN)

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang bekalan / perkhidmatan di bawah bidang, sub-bidang dan pecahan sub-bidang **040103 (Makanan Bemasak Islam)** yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Perincian tender adalah seperti berikut :

KOD TENDER	NAMA SEKOLAH	BILANGAN PENGHUNI ASRAMA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH, MASA DAN HARGA PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR
JHEAINS (T)/1/2019	Maahad Ahmadi Gemencheh, Daerah Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus	520 orang	<b>Tarikh:</b> 17 Januari 2019 (Khamis)  <b>Pendaftaran :</b> 10.30 pagi  <b>Taklimat :</b> 11.15 pagi  <b>Tempat :</b>  Dewan Besar Ibnu Sina Maahad Ahmadi, Gemencheh, Negeri Sembilan	<b>Tarikh Mula:</b> 18 Januari 2019 (Isnin)  <b>Tarikh Akhir :</b> 7 Februari 2019 (Khamis)  <b>Masa :</b> <b>Isnin - Khamis:</b> 9.00 pagi - 12.30 tengahari 2.30 - 4.00 petang  <b>Jumaat :</b> 9.00 - 11.30 pagi 3.00 - 4.00 petang  <b>Harga :</b> <b>RM50.00 (TUNAI)</b>  <b>Tempat :</b> Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	<b>Tarikh :</b> 7 Februari 2019 (Khamis)  <b>Masa :</b> 12.00 tengahari  <b>Tempat :</b> Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

3. Semasa menghadiri Taklimat Tender, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL (untuk pengesahan)** dan **SALINAN FOTOSTAT (tidak dikembalikan)** dokumen-dokumen berikut:
  - 3.1 Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih sah dan berkuatkuasa;
  - 3.2 Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera daripada Kementerian Kewangan yang masih sah dan berkuatkuasa;
  - 3.3 Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise lengkap bersama senarai pemilik; dan
  - 3.4 Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi / Sijil Pendaftaran Pertubuhan bagi Koperasi / Pertubuhan / Persatuan yang lengkap bersama senarai nama pemilik.
  
4. Setiap petender yang hendak memasuki tender adalah **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT TENDER**. Selaras dengan arahan Kerajaan , 1Pekeliling Perbendaharaan: PK 2.1 , Petender yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak **MESTILAH terdiri daripada Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia. Sila bawa bersama Salinan Borang 49, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang **DIAKUI SAH** oleh SSM / Pesuruhjaya Sumpah bagi Lembaga Pengarah semasa menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Syarikat yang telah menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan membeli satu Dokumen Tender sahaja.
  
5. **Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**
  
6. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
  - 6.1 Petender **GAGAL** menghadiri taklimat dan lawatan tapak;
  - 6.2 Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib dengan lengkap seperti yang dinyatakan dalam dokumen dan borang tender;
  - 6.3 Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
  - 6.4 Petender memasukkan dokumen tawaran di peti tender yang salah.